



BAB 6: PENGUKUHAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA

6.1 CADANGAN KE ARAH PEMBENTUKAN MALAYSIA (m/s 137)

1. **Lord Brassey** cadangkan Sabah, Sarawak, Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat Digabungkan.
2. **Sir Malcolm MacDonald** cadangkan Sarawak, Sabah, Brunei, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu digabungkan.
3. **Dato' Onn** (1956) cadang Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka dinamai Malaysia kerana menurutnya British akan menggabungkan Sarawak, Sabah, Brunei, Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu .
4. Cadangan daripada **pemimpin Singapura** seperti Lim Yew Hock, David Marshall dan Lee Kuan Yew. Mendesak British berunding dengan Tunku Abdul Rahman untuk menggabungkan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu sahaja .
 - Tidak dipersetujui oleh Tunku Abdul Rahman
 - Bimbang berlaku ketidakseimbangan penduduk.
5. Akhirnya **Tunku Abdul Rahman** setuju dengan gagasan Malaysia
 - Umum cadangan gagasan Malaysia di Singapura/Hotel Adelphi.
 - Menjamin kedudukan politik yang lebih kukuh.

6.2 FAKTOR-FAKTOR PEMBENTUKAN MALAYSIA (m/s 138)

6.2.1 Faktor Politik

- Lee Kuan Yew minat bergabung dengan Malaysia kerana pengaruh Barisan Sosialis yang memenangi pilihanraya Hong Lim di Singapura.
- Perkembangan Barisan Sosialis akan melemahkan parti pimpinan Lee Kuan Yew iaitu Parti Tindakan Rakyat atau People's Action Party (PAP).
- Keadaan ini membimbangkan kerana menggugat rancangan kerajaan British untuk memberikan kemerdekaan kepada Singapura.
- Ancaman komunis juga merupakan salah satu faktor pembentukan Malaysia.
- Persekutuan Tanah Melayu mempunyai pengalaman yang lama dalam membanteras pengaruh Parti Komunis Malaya (PKM) dari 1948-1960.
- Ancaman komunis juga wujud di Sarawak yang diperjuangkan oleh Clandstine Communist Organization (CCO). Matlamatnya menjadikan Sarawak sebagai negara komunis.
- Penyertaan Singapura. Sarawak dan Sabah ke dalam Malaysia diharapkan dapat menjadi benteng yang kukuh bagi menghadapi ancaman komunis.
- Penubuhan Malaysia akan mempercepat kemerdekaan Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei kerana pada masa ini negeri berkenaan masih belum mampu berkerajaan sendiri.

- Penubuhan Malaysia ialah proses dekolonisasi British terhadap negeri-negeri kecil yang belum membangun.
- British berharap pembentukan Malaysia dapat menghalang penyebaran pengaruh komunis di Singapura dan wilayah-wilayah Borneo.

6.2.2 Faktor Ekonomi

- Penubuhan Malaysia akan mewujudkan satu pasaran yang lebih luas bagi menggalakkan pelaburan dan perkembangan industri pertanian.
- Kerjasama serantau dalam bidang ekonomi dapat memanfaatkan keistimewaan dan sumber-sumber yang ada di negeri-negeri ini.
- Tanah Melayu kaya dengan getah & bijih timah, Sarawak dan Sabah dgn kayu balak, manakala Brunei kaya dengan minyak.

6.2.3 Faktor Sosial

- Mengimbangkan jumlah dan kadar pertumbuhan kaum dalam kalangan negeri anggota.
- Memajukan negeri-negeri yang belum membangun seperti Sarawak dan Sabah.
- Memperlihatkan kesepakatan dan semangat setia kawan antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Sarawak, Sabah dan Singapura.

6.3 REAKSI TERHADAP PEMBENTUKAN MALAYSIA (m/s141)

6.3.1 Reaksi Dalam Negeri:

a) Persekutuan Tanah Melayu

- Kebanyakan parti politik menyokong idea ini.
- Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS) dan Barisan Sosialis meminta perkara ini dirunding terlebih dahulu dengan penduduk Tanah Melayu.
- UMNO menyetujui penggabungan Sarawak, Sabah dan Brunei tanpa memasukkan Singapura.

b) Singapura

- Lee Kuan Yew dan partinya PAP menyokong kerana bimbang pengaruh parti berhaluan kiri.
- Barisan Sosialis menentang idea ini dan mengatakan pembentukan Malaysia satu penjajahan bentuk baru.
- Pandangan mereka disokong oleh Parti Buruh pimpinan David Marshall.
- Parti Rakyat Bersatu pimpinan Ong Eng Guan turut menggesa kerajaan Singapura mendapatkan pandangan rakyat.
- Referendum di adakan pada 1 Sept 1962.
- Pengundi Singapura memilih penggabungan Malaysia mengikut cadangan kerajaan.

c) Sarawak dan Sabah

- Pada peringkat awal mereka menolak gagasan Malaysia.
- Ramai ingin kekal di bawah pemerintahan British.
- Mereka tidak yakin untuk membentuk pemerintahan sendiri.
- Hal ini disebabkan selama ini peluang mereka dlm pemerintahan amat terhad.
- Mereka juga bimbang ekonomi Sarawak dan Sabah dikuasai oleh kerajaan pusat.
- Semua parti politik di Sarawak dan Sabah kecuali BERJASA inginkan kemerdekaan terlebih dahulu.

i) Sarawak

- SUPP bimbang Sarawak dan Sabah akan dikuasai oleh Tanah Melayu.
- Kesemua parti politik ini akhirnya menyokong Malaysia.
- SUPP terus menentang.
- Okt 1962, 5 buah parti iaitu PANAS, SNAP, BERJASA, PESAKA DAN SCA bergabung membentuk Perikatan Sarawak.
- Mereka berjuang ke arah menyokong Sarawak menyertai Malaysia.
- Mereka juga berusaha menyekat pengaruh SUPP.

ii) Sabah

- UNKO, USNO, Pasok Momugun, Parti Bersatu dan Parti Demokratik membentuk Perikatan Sabah.
- Menyokong penyertaan Sabah ke dalam Malaysia.
- Parti Perikatan Sabah mengemukakan tuntutan yang mengandungi 20 syarat dikenali sebagai Perkara 20 untuk dimasukkan ke dalam Perlembagaan Malaysia.
- Tuntutan ini juga kemudiannya diterima oleh Sarawak.
- Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) memuatkan tuntutan tersebut dalam Perlembagaan Malaysia.
- Tuntutan ini menjadi asas pembentukan perlembagaan Malaysia yang baru.
- Tuntutan ini akan melindungi kepentingan penduduk sarawak dan Sabah.
- Terdapat perbezaan hak kuasa bagi Sarawak dan Sabah dengan negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu.
- Hak ini dikenali sebagai Hak Wilayah Asingan. Antara perkara penting dalam Hak Wilayah Asingan :-
 - ❖ Ketua Negeri
 - ❖ Bahasa Kebangsaan
 - ❖ Agama Islam
 - ❖ Kedudukan istimewa penduduk asal negeri dan imigresen
 - ❖ Kerakyatan
 - ❖ Peruntukan Kewangan

d) Reaksi Brunei

- Sultan Omar Ali Saifuddin menyokong gagasan Malaysia.
- Parti Rakyat Brunei (PRB) di bawah pimpinan A.M Azhari menentang.
- Mereka ingin menubuhkan Persekutuan Borneo iaitu Kerajaan Kalimantan Utara yg terdiri daripada Sarawak, Sabah dan Brunei.
- PRB menganggap Malaysia satu bentuk neokolonialisme.
- A.M Azhari melancarkan pemberontakan di bawah pasukan Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU).
- A.M Azhari dan penyokongnya mendapat bantuan dan sokongan Indonesia dan Filipina.
- Melancarkan pemberontakan pada 1962.
- Dapat dipatahkan oleh tentera British.
- A.M Azhari yg berada di Manila tidak dapat ditangkap.
- Beliau akhirnya mendapat perlindungan politik di Indonesia

6.3.2 Reaksi Negara Luar (m/s 146)

a) Reaksi Indonesia

- Peringkat awal tidak menunjukkan sebarang reaksi.
- Tentangan muncul apabila Indonesia berpendapat pembentukan Malaysia merupakan satu bentuk neokolonialisme.
- Panangan yg disuarakan oleh Parti Komunis Indonesia (PKI) mempengaruhi Presiden Soekarno.
- Dasar Konfrontasi ekonomi an kemasyarakatan (Ganyang Malaysia) diumumkan pada 20 Jan 1963.
- Ganyang Malaysia – Dasar Indonesia utk memusnahkan pembentukan Malaysia
- Antara tindakan Indonesia:-
 - ❖ menghantar pengintip
 - ❖ serangan terhadap kapal-kapal nelayan Tanah Melayu.
 - ❖ Menceroboh ruang udara
 - ❖ Serangan terhadap Malaysia melalui Johor, Sarawak dan Sabah.
 - ❖ Menekan Tanah Melayu dari segi ekonomi.
 - ❖ Memburuk-burukkan nama Malaysia di negara Afro-Asia dan negara Dunia Ketiga.
- **Tindakbalas Malaysia:**
 - ❖ mendapatkan bantuan tentera Komanwel termasuk dari Britain, Australia, New Zealand dan Kanada.
 - ❖ Tunku Abd Rahman membuat bantahan rasmi kepada Setiausaha Agung PBB berhubung pencerobohan Indonesia terhadap tanah Melayu, Sarawak dan Sabah.
 - ❖ Tun Ab Razak mengadakan lawatan ke Afrika bagi menjelaskan hubungan antara Malaysia dan Indonesia.
 - ❖ Ancaman dari segi ekonomi tidak berlaku kerana tindakan ini menjejaskan Indonesia sendiri.
- Hubungan tegang ini berpanjangan sehinggalah berlaku pemberontakan bersenjata Jeneral Soeharto yang menggulingkan Soekarno.
- Soeharto menghantar Menteri Luar Indonesia, Adam Malik bagi memulihkan hubungan.
- Perundingan memulihkan hubungan diadakan di Bangkok pada tahun 1966.

b) Reaksi Filipina

- Presiden Macapagal membuat pengumuman rasmi menuntut hak terhadap Sabah.
- Filipina mendakwa Sabah masih merupakan sebahagian daripada milik Kesultanan Sulu.
- Tuntutan ini berdasarkan perjanjian pada 22 Januari 1878 antara Sultan Jamalul Alam dengan Baron Von Overbeck.
- Overbeck kemudiannya menjualkan haknya kepada Alfred Dent yg telah menubuhkan syarikat perdagangan yg memperoleh Piagam Diraja daripada British.
- Pada tahun 1881, syarikat ini dikenali sebagai Syarikat British Utara Borneo (SBUB).
- Syarikat ini memerintah Sabah sehingga kedatangan Jepun.
- Pada tahun 1946, SBUB menyerahkan pemerintahan Sabah kepada British.
- Pajakan ini telah diisytiharkan tamat oleh waris Sultan Sulu yg akhir iaitu Sultan Esmail Kiram pd 22 Januari 1958.
- Pada Jun 1966 Filipina mengiktiraf Malaysia melalui MAPHILINO (Malaysia, Filipina dan Indonesia.)

6.4 LANGKAH-LANGKAH KE ARAH PEMBENTUKAN MALAYSIA (m/s149)

a) Lawatan TAR

- Ke Sarawak, Sabah dan Brunei untuk menerangkan konsep, tujuan dan matlamat penubuhan Malaysia.
- Rundingan diadakan antara pegawai-pegawai kanan PTM dengan pegawai-pegawai British dari Sarawak, Sabah dan Singapura



b) Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum (JPPK)

- JPPK ditubuhkan di Singapura dan dipengerusikan oleh Donald Stephens.
- Ahli JPPK – Tunku Ab Rahman, Ong Yoke Lin, Khir Johari (dari Persekutuan Tanah Melayu) Lee Kuan Yew (Singapura) dan Tun Datu Musapa Datu harun (Sabah).
- Peranan JPPK – menerangkan kepada rakyat gagasan Malaysia. Mengumpulkan pandangan penduduk dan menggalakkan kegiatan ke arah pembentukan Malaysia.
- Dalam mesyuarat di Singapura JPPK sepakat mengemukakan memorandum kepada Suruhanjaya Cobbold.
- Memorandum ini mengandungi perkara berkaitan pandangan dan pendapat Sarawak dan Sabah untuk dimasukkan ke dalam perlembagaan yang baru.



c) Suruhanjaya Cobbold

- Keanggotaan – 3 org pegawai British iaitu Lord Cobbold, Sir Anthony Abbel dan Sir David Watherston.
- Rakyat tempatan – Dato' Wong Pow Nee dan Tan Sri Ghazali Shafie.
- Tujuan :-
 - ❖ meninjau pendapat rakyat Sarawak dan Sabah tentang gagasan Malaysia.
 - ❖ Membuat penilaian dan cadangan kepada British.
 - ❖ Menerima memorandum yang dikemukakan oleh pertubuhan.
- **Laporan Suruhanjaya Cobbold:-**
 - ❖ 1/3 penduduk Sarawak dan Sabah menyokong gagasan Malaysia tanpa syarat.
 - ❖ 1/3 menyokong dgn syarat iaitu kepentingan mereka harus dilindungi.
 - ❖ 1/3 ingin kemerdekaan sebelum menyertai Malaysia.
- **Antara cadangan Suruhanjaya ini:**
 - ❖ perlembagaan Malaysia yang baru berdasarkan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.
 - ❖ Sarawak dan Sabah diberikan kuasa menentukan dasar imigresennya.
 - ❖ Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan.
 - ❖ Jaminan terhadap hak dan kedudukan bumiputera Sarawak dan Sabah.
 - ❖ Pemberian nama Malaysia kepada negara baru yang dibentuk.
 - ❖ Penentuan tarikh penubuhan Malaysia.



d) JAWATANKUASA ANTARA KERAJAAN (JAK)

- Dipengerusikan oleh Lord Landsdowne, dibantu oleh Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak.
- Kedua-duanya mengunjungi Sabah dan Sarawak bagi menerangkan penubuhan Malaysia.
- JAK bemesyuarat 24 kali bagi mewajarkan kemasukan Sarawak dan Sabah ke dalam Malaysia.
- Membincangkan hak dan kepentingan penduduk Sarawak dan Sabah.

e) **MAPHILINDO**

- Bagi mengurangkan ketegangan, perjumpaan tiga pihak melibatkan Malaysia, Indonesia dan Filipina telah diadakan.
- Perbincangan antara Tunku Abdul Rahman, Presiden Soekarno dan Presiden Macapagal diadakan di Manila dari 30 Julai hingga 5 Ogos 1963.
- Hasil rundingan ini MAPHILINDO ditubuhkan.
- Bersetuju mencari jalan penyelesaian melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).



f) **UNMM**

- Dibentuk oleh Setiausaha Agung PBB iaitu U Thant dengan menghantar wakilnya Lawrence Michaelmore bagi meninjau sekali lagi pendapat rakyat Sarawak dan Sabah.
- Majoriti rakyat Sarawak dan Sabah bersetuju menyertai Persekutuan Malaysia

6.5 PERJANJIAN MALAYSIA 1963 (m/s 153)

1. Ditandatangani di London pada 9 Julai 1963.
2. Peristiwa penting ke arah pembentukan Malaysia:-
 - i) Akta yang memperuntukkan penggabungan negeri-negeri berkenaan dinamai Malaysia.
 - ii) Akta Malaysia diluluskan oleh Parlimen Britain, Parlimen Tanah Melayu, Dewan Perhimpunan Singapura, Majlis Undangan Sarawak dan Majlis Undangan Sabah
 - iii) Diperkenankan oleh Yang di Pertuan Agung
 - iv) Pada 16 September 1963, Malaysia secara rasminya ditubuhkan.

6.5.1 Inti -Inti Perjanjian Malaysia 1963:

- Semua urusan hal ehwal luar adalah tanggungjawab kerajaan Persekutuan.
- Agama Islam adalah agama Persekutuan kecuali Sarawak dan Sabah tetapi agama lain bebas diamalkan.
- Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan tetapi Bahasa Inggeris dan bahasa lain masih boleh digunakan.
- Bagi Sarawak dan Sabah, bahasa rasmi ialah bahasa Inggeris sehingga 10 tahun selepas Hari Malaysia.
- Sarawak dan Sabah diberikan kuasa mengawal hal ehwal imigresen dan perkhidmatan awam.
- Sarawak memperoleh 24 kerusi, Sabah 16 kerusi dan Singapura 15 kerusi bagi kawasan parlimen.
- Bumiputera Sabah dan Sarawak mendapat taraf yang sama dengan orang Melayu.